

DOKUMEN KONSULTASI BAGI PERATURAN – PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN (JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN) 2018

Tempoh Konsultasi : 1 -31 Oktober 2018

Kumpulan sasar : Badan sukan, atlet dan orang ramai.

Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) mengalu-alukan orang awam untuk memberi komen, idea dan pandangan kepada cadangan draf Peraturan Pembangunan Sukan (Jawatankuasa Pertikaian Sukan) 2018 Akta Pembangunan Sukan (Akta 576). Dokumen konsultasi adalah sebagaimana seperti dilampirkan. Sila sertakan nama dan organisasi (jika berkenaan) serta nyatakan rujukan klausa bagi setiap komen yang diberikan.

Sebarang komen, idea dan pandangan perlulah diemelkan kepada asmadi@kbs.gov.my selewat-lewatnya **31 Oktober 2018**.

PENGENALAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang membangunkan peraturan-peraturan pembangunan sukan yang baharu di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS)1997. Peraturan yang dibangunkan ini bertujuan untuk melindungi semua pihak terutama yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam ekosistem sukan di Malaysia.

LATARBELAKANG

Sukan di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya daripada aktiviti senggang di waktu lapang kepada organisasi sukan yang mempunyai sistem undang-undang tersendiri. Kewujudan sistem yang semakin kompleks ini didorong oleh perkembangan pembangunan sukan yang semakin maju dengan penglibatan pihak kerajaan, swasta dan masyarakat awam secara serius dalam pelbagai aktiviti sukan. Perkembangan ini juga telah mengundang pelbagai masalah pertikaian yang timbul diantara pemegang taruh berkaitan. Sebagai contoh masalah pertikaian yang timbul ialah seperti kontrak pemain, masalah gaji, pertikaian dalam badan sukan akibat ketidakpuasan ahli, masalah doping dikalangan atlet, salah laku seksual, masalah pemilihan atlet dan sebagainya.

Justeru itu, dalam memastikan pertikaian ini dapat diselesaikan dengan adil dan saksama, terdapat keperluan supaya suatu Jawatankuasa Pertikaian Sukan dibentuk bertujuan membantu menyelesaikan permasalahan tersebut. Ini penting bagi menjaga kepentingan orang ramai, atlet serta pertubuhan sukan secara keseluruhan serta mengelakkan sebarang kesan ke atas kemajuan sukan. Jawatankuasa ini menyediakan akses dan kemudahan untuk menyelesaikan pertikaian dalam tempoh yang singkat, adil dan murah.

CADANGAN PERATURAN

(JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 32 Akta Pembangunan Sukan [Pindaan] 2018, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang dilantik di bawah seksyen 27;

“Jawatankuasa Pemilih” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan bagi pemilihan anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan;

“anggota” ertinya anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan;

“Ketua Setiausaha” ertinya Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan pada masa material;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Pertikaian Sukan;

“Setiausaha” ertinya Pesuruhjaya yang dilantik sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan oleh Menteri di bawah seksyen 28;

Pelantikan Jawatankuasa Pertikaian Sukan

3. (1) Melainkan jika dikecualikan, Menteri hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Pertikaian Sukan atas nasihat Setiausaha, bagi tiap-tiap pertikaian yang dirujuk oleh

mana-mana anggota sesuatu badan sukan atau badan sukan itu sendiri dibawah seksyen 24.

Tanggungjawab Jawatankuasa Pertikaian Sukan

4. Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah bertanggungjawab-

(1) menyelesaikan pertikaian sukan yang dirujuk kepada untuk mendengar dan menjalankan prosiding mengenai pertikaian sukan yang dirujuk oleh mana-mana anggota badan sukan itu atau badan sukan itu sendiri di bawah Seksyen 24;

(2) untuk memastikan bahawa badan-badan sukan dan pihak-pihak lain untuk pertikaian sukan, seperti atlet, mempunyai akses kepada cara yang berpatutan dan pantas untuk menyelesaikan pertikaian sukan; dan

(3) membuat keputusan berhubung dengan pertikaian sukan yang dirujuk oleh mana-mana anggota badan sukan itu atau badan sukan itu sendiri di bawah Seksyen 24;

Keanggotaan Jawatankuasa Pertikaian Sukan

5. (1) Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah terdiri daripada lima (5) orang anggota yang termasuk seorang Pengerusi;

(2) Apabila Jawatankuasa Pertikaian Sukan dilantik oleh Menteri, apa-apa jawatankuasa yang diwujudkan untuk menyelesaikan mana-mana pertikaian sebelum pelantikan tersebut hendaklah dengan sendirinya terbubar. Mana-mana jawatankuasa yang berfungsi selepas pelantikan Jawatankuasa Pertikaian Sukan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Tatacara Pelantikan Anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan

6. (1) Suatu Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan dianggotai oleh beberapa anggota yang dipersetujui oleh Ketua Setiausaha serta diurusetiaikan oleh Pesuruhjaya.

(2) Jawatankuasa Pemilih hendaklah menimbangkan cadangan pencalonan dan berhak untuk menerima, menolak atau menggantikan mana-mana orang yang dicadangkan itu sebagaimana yang difikirkan perlu.

(3) Dalam penolakan mana-mana pencalonan, Jawatankuasa Pemilih hendaklah mengemukakan pencalonan baru menurut subperaturan (2).

Kelayakan Anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan

7. (1) Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah terdiri daripada anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) Mana-mana orang yang mempunyai sekurang-kurangnya (7) tahun pengalaman dan kepakaran dalam bidang perundangan;

(b) Mana-mana orang berpengalaman dalam hal ehwal pengurusan dalam bidang sukan; atau

(c) Mana-mana yang terdiri daripada ahli-ahli akademik, pengamal undang-undang, penjawat awam, pengamal media atau ahli sukan yang mempunyai pengalaman, kelayakan atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berkaitan sukan, atau selainnya sesuai bagi pelantikan disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran khas mereka.

Tempoh Pelantikan

8. (1) Anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah memegang jawatan bagi tempoh dua (2) tahun dan boleh dilantik semula jika difikirkan layak oleh Menteri.

(2) Walau apa pun peruntukan di bawah subperaturan (1), Menteri boleh, pada bila-bila masa, menamatkan pelantikan anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan secara bertulis.

(3) Mana-mana orang yang menggantikan anggota yang ditamatkan pelantikannya di bawah peraturan 9, hendaklah memegang jawatan tersebut selama baki tempoh jawatan anggota Jawatankuasa yang pelantikannya terhenti.

Penamatan Pelantikan

9. (1) Pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah tamat-

(a) Jika dia mati;

(b) Jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan –

(i) Suatu kesalahan yang melibatkan penipuan, kecurangan atau kesalahan moral;

(ii) Suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau

(iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;

(c) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya;

(d) Jika dia tidak menghadiri persidangan Jawatankuasa Pertikaian Sukan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;

(e) Jika Pengerusi atau mana-mana anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri;

(f) Berkelakuan, sama ada yang berkaitan dengan kewajibannya sebagai anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan atau selainnya, yang boleh memburukkan nama Menteri, Jabatan atau Jawatankuasa Pertikaian Sukan;

(g) Jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri atas sebab tidak melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa arahan Menteri.

Pengisian Kekosongan

10. (1) Menteri boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai bagi mengisi kekosongan dalam Jawatankuasa Pertikaian Sukan;

(2) Mana-mana anggota yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan bagi baki tempoh keanggotaan tersebut;

(3) Mana-mana anggota yang difikirkan perlu oleh Menteri haruslah mengikut tatacara pelantikan dalam peraturan 6.

Setiausaha Jawatankuasa Pertikaian Sukan

11. (1) Menteri hendaklah melantik Pesuruhjaya untuk menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

(2) Menteri boleh menetapkan apa-apa bilangan pegawai awam sebagaimana yang difikirkan layak oleh Menteri untuk membantu Setiausaha.

(3) Setiausaha dan pegawai yang ditetapkan di bawah subperaturan (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pertikaian Sukan

12. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah dipanggil oleh Setiausaha atas arahan Pengerusi. Mana-mana anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang tidak mematuhi arahan di bawah subperaturan ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan memanggil mesyuarat.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat kerana sakit atau apa-apa sebab lain, dalam mana-mana mesyuarat, mana-mana anggota yang hadir hendaklah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah bermesyuarat mengikut keperluan sesuatu pertikaian tersebut.

(5) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Korum

13. Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang anggota daripada bilangan anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Notis

14. (1) Setiausaha hendaklah setelah berbincang dengan Pengerusi, mengeluarkan panggilan mesyuarat melalui notis kepada semua anggota Jawatankuasa sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat.

(2) Notis yang dikeluarkan kepada anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah mengandungi masa, tarikh dan tempat yang difikirkan sesuai oleh Setiausaha.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa terdapat keperluan segera untuk memanggil mesyuarat itu, mengarahkan supaya notis tujuh hari itu diketepikan.

Minit

15. (1) Semua Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pertikaian Sukan hendaklah disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya pada tiap-tiap kali mesyuarat oleh Setiausaha.

(2) Minit Mesyuarat yang sebelumnya hendaklah dibaca dan disahkan tertakluk kepada pindaan, jika ada.

(3) Minit Mesyuarat yang telah disahkan di bawah subperaturan (2) hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha atau mana-mana anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang diarahkan oleh Pengerusi.

(4) Apa-apa Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pertikaian Sukan, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah, dalam apa-apa prosiding, boleh diterima sebagai keterangan prima facie tentang fakta yang dinyatakan dalam minit itu.

Penalti

16. (1) mana-mana orang yang-

(a) tidak mematuhi arahan Jawatankuasa Pertikaian Sukan di bawah Seksyen 30 (1);

(b) mendedahkan apa-apa maklumat kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang diketahuinya adalah palsu; atau

(c) mengemukakan laporan atau dokumen kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang diketahuinya adalah palsu,

Melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Semua prosiding jenayah berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dimulakan dalam Mahkamah.

Pengecualian

17. (1) Sebarang pertikaian yang telah dirujuk kepada mana-mana tribunal timbang tara atau Mahkamah tidak boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

(2) Mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan pertikaian tersebut boleh membawa kes ke tribunal atau Mahkamah.

-TAMAT-